OLEH NOOR HIDAYAH SHAFIEE

TRIK Buat Anak Berakhlak *Mulia*

"PERJUANGAN" MELAHIRKAN DAN MEMBENTUK ANAK MENJADI INSAN BERAKHLAK MULIA TIDAK PERNAH BERPENGHUJUNG. DIDIKAN PERLU DIBERIKAN TANPA MENGENAL ERTI JEMU DAN IA HENDAKLAH KONSISTEN DEMI MENGGALAKKAN ANAK MENGIKUT ACUAN YANG DIIDAMKAN. BAGI MEMBERI IDEA BARU BUAT IBU BAPA MEREALISASIKAN IMPIAN INI, CUBALAH 10 TRIK ISTIMEWA BERIKUT:

1. Anda Teladan Terdekat

ANAK memerlukan role model untuk berkelakuan baik. Terus mempamerkan contoh terbaik kepada anak dengan bertutur menggunakan bahasa yang baik. Hindari sikap suka berteriak dan kesat. Bahkan ringankan mulut untuk meminta maaf jika anda melakukan kesalahan.

2. Ramah

MENDIDIK boleh dilaksanakan di mana juga anda dan anak pergi. Sebagai contoh, sewaktu berliburan bersama si kecil di taman perumahan, ajak anak bertegur sama sesama jiran diiringi senyuman.

3. Cerita Tentang Kebaikan

SALAH satu cara efektif agar anak boleh belajar untuk menjadi baik adalah melalui buku cerita. Selain itu,anda boleh mengasah kemampuan bercerita bagi membolehkan anak tertarik mendengarkan dan terkesan dengan cerita tersebut.

4. Alasan Berbuat Baik

SAAT mempamerkan kelakuan baik misalnya, mengalihkan paku atau kaca di atas jalan raya,anda perlu serta dengan alasan mengapa perlu bertindak demikian kepada anak. Hal ini kerana kelakuan itu bukan sahaja mengajar anak memahami tindakan tetapi juga mendidik sikap simpati dan empati di dalam diri mereka.

5. Semai Sikap Dengan Pujian

PUJIAN seperti 'Ibu bangga melihat kamu membantu rakan yang lain' dapat membakar semangat anak untuk terus berkelakuan baik.

6. Beri Kesempatan Berbuat Baik

BERI anak peluang untuk menyelesaikan suatu tanggungjawab yang sesuai dengan usianya. Misalnya di dapur, biarkan anak mencuci sayuran atau saat membersihkan rumah, anak boleh mengelap meja dan kerusi.

7. Ekspresi Cinta

Ekspresikan cinta anda kepada anak setiap masa. Anda boleh berikan pelukan mahupun ciuman kepadanya. Dengan itu, anak akan merasa dihargai dan membesar dengan penuh keyakinan, gembira serta bijak mempamerkan rasa sayang yang tentunya menjadi kunci membentuk tindakan murni.

8. Menjadi Sukarelawan

LIBATKAN anak dalam aktiviti sukarelawan agar mereka tahu bahawa dengan berbuat baik terhadap orang lain akan mewujudkan rasa saling membantu dan mempunyai ramai kawan baru.

9. Cipta Hari Baik Hati

TETAPKAN hari yang istimewa- 'Hari Baik Hati'. Sepanjang hari itu, galakan anak untuk bercerita tentang bantuan, sikap murni yang telah mereka lakukan terhadap manusia, haiwan mahupun tanaman. Ambil peluang untuk bertanya mengapa mereka bertindak demikian agar mereka memahami kepentingan melakukan kebaikan.

10. Disiplin dan Konsisten

PASTIKAN semua amalan murni ini dilakukan secara berterusan. Biarpun pada mula sedikit sukar, namun dengan disiplin yang jitu amalan ini akan sebati dalam diri anak sebagai galakan, setiap kali anak usai melaksanakan tugasan murni, ajak anak lakukan high five!

BERI anak peluang menyelesaikan suatu tanggungjawab sesuai dengan usianya.

Children - Psychology

Pg : 154 - 155